

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN SHAHARIZUKIRNAIN BIN ABD. KADIR
[SETIU]**

TARIKH : 13 MAC 2024 (RABU)

SOALAN

Tuan Shaharizukirnain bin Abd. Kadir [Setiu] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan perancangan Kementerian bagi menambah bilangan polis bantuan di kawasan sekitar stesen KTMB seperti kawasan letak kenderaan, jejantas dan tandas yang sering berlaku kes jenayah sebagaimana kes serangan seksual berlaku di kawasan jejantas KTM Serdang baru-baru ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini 350 anggota Polis Bantuan KTMB ditugaskan bagi mengawal keselamatan di semua stesen-stesen KTMB. Selaras dengan komitmen untuk meningkatkan kawalan keselamatan kepada pengguna, KTMB telah menambah sejumlah 64 anggota Polis Bantuan baharu pada 15 Januari 2024 untuk ditugaskan di stesen-stesen KTMB. Fasa pengambilan seterusnya iaitu seramai 38 orang anggota Polis Bantuan baharu dijangka akan dilaksanakan pada bulan April 2024.
2. Selain itu, KTMB juga telah melantik 264 pengawal keselamatan (*outsource*) bagi membantu mengawal stesen dan kawasan *hot spot* bagi memastikan keselamatan penumpang dan operasi KTMB. Pengawal Keselamatan ini diaturkan bertugas bermula pada pukul 11 malam hingga 7 pagi di stesen yang tidak beroperasi 24 jam. Manakala di kawasan *hot spot* pula, pengawal keselamatan ini diaturkan bertugas 24 jam sehari iaitu bagi laluan Gemas - Padang Besar.
3. Dimaklumkan juga bahawa bagi jejantas-jejantas yang berada atau dibina di atas tanah kereta api, tindakan proaktif yang telah diambil Perbadanan Aset Keretapi (RAC) buat masa ini adalah dengan menambah baik pencahayaan lampu dan membaiki kerosakan fizikal pada kemudahan tersebut antaranya, menggantikan bumbung yang rosak seperti yang dibuat pada jejantas pejalan kaki berhampiran Stesen Batu Caves baru-baru ini, selain cadangan untuk menyediakan kamera pengawasan litar tertutup (CCTV). Langkah ini diambil bagi memastikan orang ramai dapat menggunakan kemudahan ini dengan selesa dan selamat.
4. Dengan keseluruhan kekuatan 452 anggota Polis Bantuan mulai bulan April 2024 serta 264 pengawal keselamatan (*outsource*) di stesen-stesen KTMB dan langkah-langkah diambil RAC, kawalan keselamatan di stesen KTMB akan dapat dipertingkatkan bagi memastikan tiada kes jenayah berlaku.

NO. SOALAN: 30

Sekian, terima kasih.